

## Teroka Jejak Pembangunan Sebuah Negara

Jejak Sungai Singapura menampilkan pembangunan Sungai Singapura dan persekitarannya menerusi dermaga, jambatan-jambatan serta mercu tanda terpelihara yang mengingatkan kita tentang masyarakat yang pernah tinggal dan bekerja di tebing sungai.

Sungai Singapura telah berkhidmat sebagai saluran perdagangan antarabangsa yang menarik orang ramai serata rantaunya untuk bekerja, berdagang dan mencari rezeki di pulau ini semenjak 1819. Kini, setelah kerja-kerja pembersihan besar-besaran berakhir pada 1983, sungai ini diwarnai kehidupan, dengan mengalirkan air yang bersih melintasi bangunan pencakar langit moden dan bangunan sejarah sebelum berakhir di Marina Bay, sebuah kolam air tawar sejak 2008.

### Legend

	Collyer Quay		Whampoa's Ice House
	Customs House		The Cannery
	Clifford Pier		River House
	Change Alley		Read Bridge
	Cavenagh Bridge		Former Thong Chai Medical Institution
	Masjid Omar Kampong Melaka		Raffles Place
	Elgin Bridge		Boat Quay
	Coleman Bridge		Elgin Bridge
	Market Street		Collyer Quay
	Clemenceau Bridge		Alkaff Bridge
	Masjid Moulana Mohamed Ali		Tan Si Chong Su Temple
	Robertson Quay		Ord Bridge
	Clarke Quay		Market Street
	Fort Canning Park		Clemenceau Bridge
			Masjid Moulana Mohamed Ali
			Robertson Quay
			Clarke Quay
			Alkaff Bridge

	MRT		Bus Stop		River Taxi
	Roads		Prominent Sites		Heritage Sites
	Parks		Heritage Sites		River
	River		Marked Sites		

# Singapura Jejak Sungai

Teroka Jejak Sungai Sebuah Negara

Jejak Sungai membawa anda dari Collyer Quay ke Robertson Quay, dengan tumpuan kepada sumbangan sungai ini terhadap pembangunan perdagangan Singapura menerusi pelbagai masyarakat yang pernah tinggal dan bekerja di tebing sungai, serta seni bina dan sejarah sosial tentang jambatan - jambatan yang memudahkan pergerakan orang ramai dan barang di pelbagai persimpangan. Jejak Sungai Singapura telah ditipi oleh American Express.

Untuk maklumat lanjut, lungsi ke laman Roots.sg

Disokong oleh





### Collyer Quay

Boleh diakses dari Fullerton Road

**Clifford Pier**  
80 Collyer Quay


**Customs House**  
70 Collyer Quay



Collyer Quay pernah menjadi tempat pertama untuk menyambut pelancong-pelancong yang datang ke Singapura dengan kapal sebelum mereka menjelak kaki di Clifford Pier. Clifford Pier, dibuka pada 1933, juga berfungsi sebagai tempat pelepasan untuk bot-bot yang menuju ke Pulau Selatan sehingga 2006. Customs House yang selesai dibina pada 1969 merupakan tempat pengawasan bagi melindungi Singapura daripada penyeludup maritim. Lampu isyarat merah menandakan lokasi dermaga itu pada waktu malam, justeru, kawasan itu juga dikenali sebagai "jeti lampu merah" di kalangan warga tempatan.


### Boat Quay

Boleh diakses dari South Bridge Road



### Jambatan Elgin


Boleh diakses daripada South Bridge Road



Jambatan Elgin, asalnya dibina pada 1862 dan dinamakan sempena nama Lord Elgin, Wizurai India, terletak di tapak jambatan pertama yang dibina di Sungai Singapura pada 1819. Jambatan-jambatan yang lain sebelumnya di lokasi ini termasuk Jambatan Jackson yang dibina pada 1823 dan Jambatan Thomson yang dibina pada 1844. Struktur jambatan tersebut kemudian dinaik taraf untuk mengatasi tahap trafik yang semakin meningkat. Struktur jambatan kini dibina pada 1929.

### Jambatan Read

1B Clarke Quay



### Bekas Institusi Perubatan Thong Chai


50 Eu Tong Sen Street



Dinamakan sempena nama William Henry Macleod Read, seorang tokoh sosio-politik dan pedagang terkemuka, Jambatan Read pada asalnya dibina pada 1889 untuk menggantikan struktur sebelumnya, Jambatan Merchant atau lebih dikenali sebagai Jambatan Tock Seng, sempena nama pedagang perintis dan dermawan Tan Tock Seng. Jembatan itu perlu digantikan kerana ia terlalu rendah untuk laluan tongkang (bot sungai tradisional) di bawah jambatan itu. Jambatan Read kemudian ditukar untuk menjadi sebuah jambatan pejalan kaki pada 1991.


### Jambatan Ord

Boleh diakses dari Clarke Quay



### Robertson Quay


Boleh diakses dari Martin Road dan Mohamed Sultan Road



Jambatan Ord, yang selesai dibina pada 1886, dinamakan sempena nama Sir Harry St George Ord, Gabenor pertama Singapura setelah pulau ini menjadi Tanah Jajahan pada 1867. Jambatan Ord menggantikan Jambatan ABC atau Jambatan Ordnance sebelumnya. Warga tempatan pernah merujukannya sebagai Jambatan Hijau disebabkan warnanya atau Jambatan Toddy kerana terdapat banyak kedai-kedai toddy (arak kelapa) yang berdekatan.

### Jambatan Cavenagh

1 Fullerton Square



Jambatan Cavenagh yang selesai dibina pada 1869 ialah jambatan tertua yang boleh didapati dalam bentuk asalnya di Sungai Singapura. Dinamakan sempena nama Gabenor Sir William Orfeur Cavenagh dan terletak di antara Empress Place dengan Bangunan Fullerton, jambatan ini menghubungkan pejabat penjaja ke daerah kewangan. Sebelum itu, orang hanya dapat menyeberang muara sungai melalui jambatan jalan kaki sementara atau bot.

### Raffles Place

Boleh diakses dari Stesen MRT Raffles Place

**Change Alley**  
Boleh diakses dari Stesen MRT Raffles Place

**Market Street**  
Boleh diakses dari Church Street

**Masjid Moulana Mohamed Ali**  
UOB Plaza I  
#B1-01  
80 Raffles Place



Commercial Square ditubuhkan sebagai daerah mercantil utama Singapura pada 1820-an dan namanya digantikan kepada Raffles Place pada 1858. Ia terkenal dengan pembeli-pembeli yang sering melawat tempat-tempat seperti Robinsons dan Change Alley, yang terkenal dengan dagangan tawaran istimewa dari tahun 1940an hingga 1989. Berdekatan dengan Market Street, jurubang Chettiar menyediakan modal untuk perniagaan. Orang Islam juga berkumpul untuk bersolat di Masjid Moulana Mohamed Ali yang ditubuhkan pada 1950-an. Masjid ini kemudiannya dipindahkan ke ruang bawah tanah UOB Plaza pada 1994 dan merupakan satu-satunya masjid bawah tanah di Singapura.


### Clarke Quay

3 River Valley Road

**River House**  
3A River Valley Road

**The Cannery**  
Boleh diakses dari River Valley Road

**Whampoa's Ice House**  
3E River Valley Road




Clarke Quay dibangunkan pada lewat abad ke-19 apabila perdagangan berkembang pesat sepanjang Sungai Singapura. Dikenali dengan gudang yang mempunyai ciri tersendiri serta bangunan tradisional, Clarke Quay dinamakan sempena nama Gabenor Sir Andrew Clarke. Mercu tanda penting di kawasan itu termasuk River House dari 1880-an, The Cannery (1891), dan replika Whampoa's Ice House (1854).

### Kuil Tan Si Chong Su dan Jambatan Clemenceau

**Tan Si Chong Su Temple**  
15 Magazine Road

**Clemenceau Bridge**  
Boleh diakses dari Merchant Road



Kuil Tan Si Chong Su adalah sebuah Monumen Kebangsaan yang dibina pada 1883 oleh pedagang Hokkien terkemuka yang berasal daripada keluarga Tan. Ia juga dikenali sebagai Po Chiak Keng (dalam bahasa Hokkien membawa maksud "perlindungan orang tidak bersalah"). Jambatan Clemenceau selesai dibina pada 1940 dan dinamakan sempena nama Perdana Menteri Perancis Georges Clemenceau, yang melawat Singapura pada 1920. Ia menggantikan Jambatan Pulau Saigon dan dibina semula untuk menjadi sebuah jambatan kenderaan pada 1990-an.

### Jambatan Alkaff

1 Havelock Road



Jambatan Alkaff mempunyai bentuk seperti tongkang dan ia dibina pada 1997 dan dinamakan sempena nama Alkaff Quay. Alkaff Quay adalah sebuah bekas kompleks gedung tepi sungai yang dimiliki oleh keluarga Alkaff, sebuah keluarga Yemen-Arab terkemuka yang terdiri daripada pemilik tanah dan dermawan. Warisan mereka termasuk Masjid Alkaff Kampong Melayu (1932) dan Masjid Alkaff Upper Serangoon (1932).

